



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERANAN ARKIB NEGARA MALAYSIA DALAM  
PENYIMPANAN DAN PEMELIHARAAN  
REKOD BRITISH DI NEGERI-NEGERI  
MELAYU BERSEKUTU  
1896 -1941**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ZAIDIN MOHD NOOR**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERANAN ARKIB NEGARA MALAYSIA DALAM PENYIMPANAN DAN  
PEMELIHARAAN REKOD BRITISH DI NEGERI-NEGERI  
MELAYU BERSEKUTU 1896 -1941**

**ZAIDIN MOHD NOOR**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16 (hari bulan) 2 (bulan) 2021

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, ZAIDIN BIN MOHD NOOR (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PERANAN ARKIB NEGARA MALAYSIA DALAM PENYIMPANAN DAN PEMELIHARAAN REKOD BRITISH DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU, 1896-1941

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, PROF. MADYA DR KHAIRI ARIFFIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PERANAN ARKIB NEGARA DALAM PENYIMPANAN DAN PEMELIHARAAN REKOD BRITISH DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU, 1896-1941

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SEJARAH MALAYSIA (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PERANAN ARKIB NEGARA MALAYSIA DALAM PENYIMPANAN DAN

PEMELIHARAAN REKOD BRITISH DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU

No. Matrik / Matric's No.: M20172002417

Saya / I: ZAIDIN BIN MOHD NOOR

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasm / Name & Official Stamp)

Tarikh: \_\_\_\_\_

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdullillah ke hadrat ilahi kerana dengan izin dan restu-Nya penyelidikan ini dapat disiapkan. Jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Khairi Ariffin dan Dr. Ramli Saadon, Pensyarah di Jabatan Sejarah Universiti Pendidikan Sultan Idris selaku penyelia kepada penyelidik dalam menyiapkan disertasi ini. Banyak pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi sepanjang tunjuk ajar, pandangan serta bimbingan semasa dalam proses penulisan disertasi. Penghargaan juga diberikan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana turut memberi dorongan dan bimbingan kepada penyelidik. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur di atas kerjasama dan bantuan yang diberikan dalam penyelidikan yang dijalankan. Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Utama Universiti Malaya. Tidak lupa juga kepada isteri tercinta Meriam Awang Sulaiman dan kedua anak saya Muhammad Hariz dan Muhammad Afiq yang telah memberi dorongan dan sokongan dalam menyiapkan disertasi ini. Juga ucapan terima kasih juga kepada Encik Khir Anuar Ramli dan Encik Ahmad Farhan Abdullah yang bersama berkongsi idea dan pengetahuan terutama bidang kearkiban dan sejarah. Akhir kata kepada semua pihak yang terlibat sama samada secara langsung ataupun tidak langsung sehingga siapnya disertasi ini.

Sekian, terima kasih





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai fungsi Arkib Negara Malaysia (ANM) sebagai pusat penyimpan dan pemelihara rekod-rekod pada zaman British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 1896-1941. Arkib Negara Malaysia diberi tanggungjawab menjadi tempat penyimpanan, pemeliharaan, dan pemuliharaan rekod-rekod sejarah negara khususnya rekod rasmi kerajaan daripada era kolonial sehingga merdeka. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen dan manuskrip telah dipilih untuk menjawab empat soalan kajian dengan perolehan sumber-sumber primer yang dikaji terdiri daripada bahan dalam bentuk fail dan terbitan bagi kumpulan rekod persekutuan dan negeri antaranya ialah kumpulan rekod High Commissioner Office, Jabatan Ukur dan Pemetaan, British Residen, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Tanah dan Daerah. Dapatan kajian membuktikan bahawa ANM merupakan sebuah jabatan kerajaan yang diberi tanggungjawab menyimpan dan memelihara rekod rasmi kerajaan berdasarkan punca kuasa yang diluluskan oleh parlimen iaitu Akta Arkib Negara 44/1966 (dimansuhkan oleh Akta 629/2003). Dapatan kajian juga membuktikan kumpulan rekod yang dipelihara dan disimpan adalah termasuk rekod-rekod kerajaan pada zaman kolonial British dalam pentadbiran di NNMB. Sebagai kesimpulannya, kajian ini juga membuktikan kumpulan rekod dan maklumat di NNMB amat penting kepada sejarah negara dan juga sebagai sumber rujukan utama kepada para penyelidik yang menjalankan kajian pada era kolonial British. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan rekod-rekod yang terdapat di Arkib Negara Malaysia amat bernilai kepada para penyelidik dan institusi pendidikan negara selaras dengan peranan ANM yang sangat penting dalam penyimpanan dan pemeliharaan rekod-rekod rasmi kerajaan Malaysia.





## **THE ROLE OF THE NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA AS CUSTODIANS IN CHARGE OF HOUSING AND PRESERVING BRITISH COLONIAL RECORDS OF THE FEDERATED MALAY STATE, 1896-1941**

### **ABSTRACT**

This research is aimed at evaluating the function of the National Archives of Malaysia (NAM) as a centre for the custody and preservation of public records of the period relating to British rule in the Federated Malay States (FMS), 1896-1941. The National Archives of Malaysia is entrusted with the custodial functions of housing, preserving and restoring the nation's historical records, which include official public records from the colonial era until Independence. The qualitative study seeks to answer four questions based on the analysis of primary source materials comprising documents, manuscripts, files and publications that the NAM has acquired from both federal and state governments. The sources include, among others, the High Commissioner's Office, Department of Survey and Mapping, Office of the British Resident, State Secretariats as well as Land and District Offices. According to the findings, the NAM has been entrusted with the statutory authority for the safe custody and preservation of public records in line with the devolution of power through the National Archives Act 44/1966 (Repealed by Act 629/2003). The findings show that these public records include those generated in the FMS during the British colonial era. The findings conclude that the FMS record groups and information are of great importance for the history of the country and as the main reference source for researchers in carrying out research on the British colonial era. The use of archival sources in the NAM are found to be of great value to researchers and institutions of learning in the country, in line with the vital role of the NAM in housing and preserving the official records of the Malaysian government.





## ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan masalah	4
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Soalan kajian	6
1.5 Tinjauan kajian	7
1.6 Kepentingan kajian	16
1.7 Skop kajian	18
1.8 Kaedah kajian	19





1.9 Definisi Istilah	
1.10 Pembahagian bab	22
1.11 Kesimpulan	26

## BAB 2 SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN ARKIB NEGARA MALAYSIA

2.1 Latar Belakang	28
2.2 Sejarah Penubuhan Arkib Negara	31
2.3 Bangunan Arkib Negara	37
2.3.1 Bangunan Arkib Negara Cawangan Negeri	42
2.3.2 Bangunan Arkib Memorial, Galeria, Pustaka Dan Rumah Kelahiran	44
2.4 Cawangan Arkib Negara	48
2.4.1 Arkib Negara Wilayah Persekutuan	48
2.4.2 Arkib Negara Wilayah Negeri	48
2.5 Struktur Organisasi Dan Perjawatan Arkib Negara Malaysia	50
2.5.1 Struktur Organisasi	50
2.5.2 Perjawatan	55
2.5.3 Kakitangan Arkib Negara Malaysia	57
2.6 Kementerian Yang Menaungi Arkib Negara Malaysia	58
2.7 Perundangan, Peraturan dan Panduan	60
2.7.1 Akta Arkib Negara Malaysia No. 44/1966	61
2.7.2 Akta Arkib Negara Malaysia No. 629/2003	63
2.8 Jenis dan Jumlah Rekod Dalam Simpanan	65
2.9 Kesimpulan	69





## BAB 3 FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB ARKIB NEGARA

3.1 Latar Belakang	71
3.2 Pengurusan Rekod	75
3.3 Menyimpan dan Memelihara Rekod Sejarah Negara	82
3.4 Menyediakan Kemudahan Rujukan dan Penyelidikan	88
3.5 Menyebarluaskan Maklumat Sejarah Negara	96
3.6 Kesimpulan	100

## BAB 4 KUMPULAN REKOD NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU

4.1 Pengenalan	102
4.2 Klasifikasi Kumpulan Rekod	110
4.2.1 Rekod Urusan Am	110
4.2.2 Rekod Fungsian	112
4.2.3 Rekod Urusan Kewangan dan Perakaunan	114
4.3 Kajian Kumpulan Rekod Persekutuan dan Negeri	114
4.3.1 Jabatan Parit dan Talair	115
4.3.2 Jabatan Penyiasatan Kajibumi	117
4.3.3 Jabatan Ukur dan Pemetaan	120
4.3.3.1 Jabatan Ukur Negeri Sembilan	122
4.3.3.2 Jabatan Ukur Pahang	123
4.3.3.3 Jabatan Ukur Perak	124
4.3.3.4 Jabatan Ukur Selangor	125
4.3.4 Pejabat Daerah Kuantan, Pahang	126
4.3.5 Pejabat Residen British Pahang	129





4.3.6 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	134
---	-----

4.4 Kesimpulan	140
----------------	-----

## **BAB 5 REKOD DAN MAKLUMAT DALAM KUMPULAN REKOD HIGH COMMISSIONER OFFICE**

5.1 Pengenalan	142
----------------	-----

5.2 Sejarah Pentadbiran	143
-------------------------	-----

5.3 Diskripsi Kumpulan Rekod	146
------------------------------	-----

5.4 Rekod dan Maklumat Pengukuran dan Penandaan Sempadan	147
--	-----

5.4.1 Sempadan Dalam Negeri	150
-----------------------------	-----

5.4.1.1 Pahang- Terengganu	151
----------------------------	-----

5.4.1.2 Johor – Pahang	164
------------------------	-----

5.4.2 Persempadanan Antarabangsa	172
----------------------------------	-----

5.4.3 Sumber Manusia	176
----------------------	-----

5.5 Industri Perikanan	181
------------------------	-----

5.6 Kesimpulan	188
----------------	-----

## **BAB 6 KESIMPULAN**

## **RUJUKAN**

## **LAMPIRAN**





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xi

## **SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>		<b>Halaman</b>
2.1	Senarai Ketua Pengarah Arkib Negara 1957-2020	57
2.2	Senarai Penerimaan Rekod Tahunan bagi Kumpulan Rekod dalam bentuk fail kumpulan Rekod Persekutuan dan Negeri	68
4.1	Kehadiran Pelajar di Sekolah Daerah Kuantan, Pahang	128



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xii

## Senarai Rajah

### No Rajah

### Halaman

2.1      Carta Organisasi Arkib Negara Malaysia

54



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI SINGKATAN

ANM	Arkib Negara Malaysia
AR	Annual Report
BR	British Resident
COMPASS	Computerised Archival System and Services
CO	Colonial Office
DO	District Office
FMS	Federated Malay State
FO	Foreign Office
HCO	High Commissioner Office
Hlm.	Halaman
MCS	Malayan Civil Services
JKR	Jabatan Kerjaraya
NNS	Negeri-negeri Selat
NNMB	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
NNMTB	Negeri Melayu Tidak Bersekutu
OFA	Online Finding Aid
RG	Resident General
UMFS	Unfederated Malay State
SS	Straits Settlement





## SENARAI LAMPIRAN

- A Senarai Kumpulan Rekod Peringkat Persekutuan bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang terdapat dalam Simpanan Arkib Negara Malaysia.
- B Senarai Kumpulan Rekod Peringkat Negeri bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu Yang terdapat dalam Simpanan Arkib Negara Malaysia.
- C Senarai Arkib Negara Cawangan Negeri





## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Penubuhan sebuah institusi yang bertanggungjawab menyimpan dan memelihara rekod terutama rekod rasmi kerajaan dalam bentuk bertulis di negara ini bermula secara rasminya agak lewat iaitu selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Secara tepatnya bermula pada 1 Disember 1957 apabila Arkib Negara Malaysia secara rasminya telah ditubuhkan.<sup>1</sup> Walaupun pada asasnya sejarah negara telah bermula awal abad ke-15 iaitu di zaman Kesultanan Melayu Melaka.<sup>2</sup> Selepas zaman Kesultanan Melayu Melaka, negara telah dijajah oleh pihak Portugis, Belanda, Inggeris dan pendudukan Jepun sehingga akhirnya negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Arkib Negara Malaysia. 2012. *55 Tahun Arkib Negara Malaysia: Era Digital*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm. 3.

<sup>2</sup> Muhd Yusof Ibrahim. 2008. Kesultanan Melayu Melaka 1400-(?)-1511. Pensejarahan dan Kesejarahan. *Polemik Sejarah Malaysia*, Jilid 1. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm. 69-79.

<sup>3</sup> Zainal Abidin bin Abdul Wahid, et al. 1992. *Malaysia Warisan dan Perkembangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 236-239.





Di peringkat awal sejarah negara, sebahagian besar rekod disimpan di istana ataupun di pejabat kerajaan berdasarkan kepada pihak yang mewujudkan rekod tersebut.<sup>4</sup> Rekod yang diwujudkan di zaman penjajah, sebahagian besarnya telah dibawa balik oleh pihak penjajah.<sup>5</sup> Keadaan ini menyebabkan rekod berkenaan dengan sejarah negara amat kurang sekali terutama di zaman awal sejarah negara.

Selain daripada faktor di atas terdapat juga faktor lain yang menyebabkan kekurangan rekod sejarah negara antaranya peperangan menyebabkan rekod berkenaan sejarah negara juga turut musnah. Selain daripada itu faktor manusia juga menyebabkan kerosakan pada rekod. Antara sikap tidak mengambil berat ke atas penyimpanan rekod di jabatan kerajaan seperti diletakan di stor atau bawah tangga di mana persekitaran yang tidak sesuai bagi kitaran hayat rekod. Manakala faktor persekitaran seperti kadar kelembapan yang tinggi dan bencana alam seperti banjir menambahkan lagi kerosakan pada rekod yang ada berada dalam simpanan.<sup>6</sup>

Faktor-faktor di atas mendorong ke arah usaha menuju sebuah institusi yang bertanggungjawab ke atas penyimpanan dan pemeliharaan rekod mulai di ambil perhatian oleh pihak kerajaan. Pada zaman pentadbiran British di Tanah Melayu barulah bermula usaha menyimpan dan memelihara rekod secara teratur di Tanah Melayu. Usaha ini bermula apabila satu Suruhanjaya Diraja telah ditubuhkan di United Kingdom pada 1910 untuk menilai dan mengkaji keadaan rekod dan kemudahan untuk

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Luis Filipe F. Reis Thomas. 2000. *Early Portuguese Malacca*. Macau: Macau Territorial Commission. hlm. 191-196.

<sup>6</sup> Mohd Maidin Hussin. 1988. Bahan-bahan Kertas-Penyimpanan dan Pemeliharaan. *Buletin Arkib*, No. 18. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm. 60-61.





merujuk rekod yang terdapat di United Kingdom. Pihak British melalui Pejabat Setiausaha Tanah Jajahan telah memanjangkan kajian tersebut ke atas penyimpanan dan pemeliharaan rekod yang ada dalam simpanan tanah jajahan British di seluruh dunia termasuk di Tanah Melayu.

Beberapa siri surat pekeliling telah dihantar pada tahun 1914, 1924, 1929, 1936 dan 1939 dan 1948<sup>7</sup> berkenaan penyelenggaraan, penyimpanan, rekod terperingkat dan pemeliharaan rekod yang berada di pejabat kerajaan di Tanah Melayu. Selepas perang dunia kedua tamat telah meningkatkan lagi kesedaran berkenaan dengan penyimpanan dan pemeliharaan rekod terutama rekod berkaitan dengan perang.<sup>8</sup>



Ekoran daripada laporan soal selidik yang dijalankan berdasarkan kepada arahan 1948, satu Jawatankuasa telah ditubuhkan pada 1953 bagi menganalisis hasil kajian dan mengemukakan cadangan berkenaan dengan penyimpanan dan pemeliharaan rekod di Tanah Melayu. Laporan telah dimajukan pada 1956 yang antara lain mencadangkan penubuhan sebuah unit pentadbiran dibawah seorang pegawai arkib. Susulan daripada cadangan ini juga pihak Pejabat Tanah Jajahan telah menghantar H.N. Blakiston dari Public Record Office, London pada 1957 untuk membuat kajian dan hasilnya mencadangkan penubuhan Pejabat Perkhidmatan Rekod Persekutuan. Pada bulan November 1957 kerajaan telah menerima cadangan yang

<sup>7</sup> National Archives of Malaysia. 1967. *First Ten Years*. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia. hlm. 2.

<sup>8</sup> *Ibid.* hlm. 19.





dikemukakan oleh H.N Blakiston dan pada 1 Disember 1957 Pejabat Rekod Awam telah ditubuhkan.<sup>9</sup>

Pada asasnya penubuhan Arkib Negara bertujuan membantu kerajaan mewujudkan satu sistem pengurusan rekod yang cekap dan sistematik bagi menguruskan jentera pentadbiran kerajaan. Melalui sistem pengurusan rekod yang cekap dan sistematik ini dapat mempastikan rekod yang mempunyai nilai kebangsaan dan sejarah dipindahkan ke Arkib Negara bagi tujuan penyimpanan dan pemeliharaan kekal. Dengan adanya rekod yang bernilai tersebut pihak Arkib Negara dapat menyediakan kemudahan rujukan dan penyelidikan kepada jabatan kerajaan dan orang awam ke atas arkib awam yang terdapat dalam simpanannya.<sup>10</sup>



## 1.2 Penyataan Masalah

Arkib Negara melalui Akta Arkib Negara iaitu Akta No. 44/1966 kemudian diganti dengan Akta No. 629/2003 telah diberikan kuasa dan tanggungjawab dari segi perundangan untuk menyimpan dan memelihara rekod-rekod rasmi yang diwujudkan oleh jabatan kerajaan.<sup>11</sup> Rekod yang diwujudkan oleh pejabat kerajaan tidak terhad kepada rekod selepas negara mencapai kemerdekaan tetapi juga sebelum negara

<sup>9</sup> Arkib Negara Malaysia. 2012. *55 Tahun Arkib Negara Malaysia: Era Digital*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm. 3-4.

<sup>10</sup> Arkib Negara Malaysia. 1989. *Arkib Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm. 2.

<sup>11</sup> Arkib Negara Malaysia. 1966 dan 2003. Akta Arkib Negara Malaysia, Akta No. 44/1966 dan Akta No. 629/2003. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.





mencapai kemerdekaan iaitu bermula dari zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga penjajahan British yang berakhir dengan negara mencapai kemerdekaan pada tahun 31 Ogos 1957.

Arkib Negara bertanggungjawab memastikan rekod tersebut disimpan dan dipelihara dengan selamat bagi tujuan rujukan dan penyelidikan kepada generasi akan datang. Usia rekod yang lama menyebabkan keperluan kepakaran pengurusan dan kemudahan penyimpanan yang terbaik dan sesuai dengan jenis rekod bagi memastikan rekod tersebut sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh diakses pada masa akan datang.

Selain daripada penyimpanan rekod tersebut, Arkib Negara juga bertanggungjawab menyediakan kemudahan rujukan dan penyelidikan kepada jabatan kerajaan dan orang ramai menggunakan bahan arkib. Sebahagian besar daripada penyelidikan yang dijalankan di Arkib Negara menghadapi masalah dalam mengenalpasti dan memperoleh rekod yang yang mengandungi maklumat berdasarkan tajuk penyelidikan yang dijalankan. Keadaan ini disebabkan para penyelidik tidak dapat mengenalpasti dan mempunyai maklumat yang lengkap berkaitan dengan kumpulan rekod yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara.<sup>12</sup> Selain daripada kekurangan pengalaman serta kaedah penyelidikan di Arkib Negara, kekurangan pengetahuan berkenaan dengan sejarah pentadbiran dan maklumat kumpulan rekod juga menjadi penyebab kesukaran penyelidik mendapatkan rekod dan maklumat lengkap yang diperlukan dalam penyelidikan yang dijalankan.

<sup>12</sup> Arkib Negara Malaysia. 1992. *Panduan Sumber-sumber Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm. xxii.





Salah satu daripada kumpulan rekod yang sukar dikesan oleh penyelidik adalah kumpulan rekod zaman British di Tanah Melayu khususnya di Negeri-negeri Melayu Bersekutu(NNMB). Walaupun terdapat pelbagai kumpulan rekod yang mengandungi pelbagai rekod dan maklumat sejarah negara berdasarkan tahun pemerintahan British di Tanah Melayu dan jumlah kumpulan rekod yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara.<sup>13</sup> Namun kesukaran penyelidik mengenalpasti kumpulan rekod semasa pentadbiran British di Tanah Melayu yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara menyebabkan penyelidik tidak dapat menghasilkan kajian yang lengkap berkenaan dengan zaman tersebut.

### 1.3 Objektif Kajian



1.3.1 Mengkaji latar belakang penubuhan Arkib Negara Malaysia.

1.3.2 Menilai fungsi dan tanggungjawab Arkib Negara dalam penyimpanan dan pemeliharaan rekod sejarah negara.

1.3.3 Menganalisis kumpulan rekod zaman British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang terdapat di Arkib Negara.

1.3.4 Menganalisis kandungan maklumat kumpulan rekod zaman British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang terdapat di Arkib Negara.

---

<sup>13</sup> Arkib Negara Malaysia. 1986. *Panduan Rekod-rekod Persekutuan di Arkib Negara*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm. 10.





## 1.4 Soalan Kajian

- 1.4.1 Bagaimana latar belakang penubuhan Arkib Negara Malaysia?
- 1.4.2 Sejauhmanakah fungsi dan tanggungjawab Arkib Negara dalam penyimpanan dan pemeliharaan rekod?
- 1.4.3 Apakah kumpulan rekod zaman British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang terdapat di Arkib Negara?
- 1.4.4 Apakah kandungan maklumat dalam kumpulan rekod zaman British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara?



## 1.5 Tinjauan kajian

Penulisan berkenaan dengan peranan Arkib Negara dan sumber-sumber yang terdapat dalam simpananya telah ditulis oleh pelbagai pihak antaranya Shamsi Shariff bertajuk *Political Development Affecting The Northern States In The Malay Penisular Since 1880 Leading To Their Transfer From Siam To Great British In 1909*; Sidek Jamil bertajuk *Guide To Malaysian Sources In The Public Record Office, Kew, Richmond, Surrey*; dan Samsiah Muhammad bertajuk *Archives and Research In Malaysia: The Development and Challenges Ahead 1900-1995*.

Shamsi Shariff dalam tesis sarjana, kajian beliau berkenaan dengan rekod dan dokumen berkaitan Perjanjian Bangkok yang terdapat dalam simpanan Public Record Office, London. Dalam tesis bertajuk *Political Development Affecting The Northern*





*States In The Malay Peninsular Since 1880 Leading To Their Transfer From Siam To Great British In 1909.*<sup>14</sup> beliau mengulas berkenaan dengan hubungan di antara pihak Siam dengan Negeri-negeri Melayu di Utara di antara tahun 1880 hingga 1902 dan juga berkenaan dengan rundingan pemindahan naungan negeri-negeri Melayu kepada pihak British. Antara isu yang timbul membawa kepada Perjanjian Bangkok ini adalah disebabkan rasa tidak puas hati pihak Siam yang menganggap pihak British tidak memenuhi perjanjian yang ditandatangan pada tahun 1898. Perkembangan penglibatan pihak German dalam pembinaan jalan keretapi di Siam juga membimbangkan pihak British terutama pihak Siam telah berusaha mendapatkan pinjaman kewangan bagi pembinaan jalan keretapi daripada pihak German.



Shamsi Shariff juga membincangkan tentang hubungan di antara pihak Siam dengan British di Tanah Melayu. Bermula dengan Perjanjian Anglo Siamese Treaty 1826 yang berasaskan kepada prinsip *non-interference* ke atas Negeri-negeri Melayu yang terletak di bawah naungan Siam iaitu Kedah, Kelantan dan Terengganu. Namun begitu kebimbangan pihak British terhadap campurtangan kuasa besar asing ke atas Siam seperti German dan Perancis menyebabkan berlaku perubahan dasar pihak British ke atas negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu. Pihak Siam pula telah menguasai negeri-negeri tersebut bermula sebelum kedatangan pihak British di Tanah Melayu lagi. Penguasaan ini agak ketara dengan penghantaran bunga emas ketiga-tiga negeri tersebut kepada pihak Siam sebagai tanda penguasaan Siam ke atas negeri tersebut.

---

<sup>14</sup> Shamsi Shariff. 1896. *Political Development Affecting the Northern States In The Malay Peninsular Since 1880 Leading To Their Transfer From Siam To Great British In 1909*. University of London. London: Tesis Sarjana.





Kawalan yang longgar oleh pihak Siam ke atas negeri tersebut seperti masalah yang berlarutan berkenaan dengan perebutan kuasa dalam kalangan pembesar di Kelantan yang agak lambat diselesaikan, perkembangan pengaruh German dan Perancis ke atas Siam membimbangkan pihak British. Keadaan ini menyebabkan pihak British telah membuat perjanjian dengan Siam pada tahun 1898 yang dikenali dengan Anglo Siamese Secret Convention yang tidak membenarkan pihak Siam memajak kawasan terutama di Selatan Muang Bang Tepan dan pihak British akan membantu pihak Siam menghadapi ancaman kuasa luar. Pada masa yang sama timbul isu berkaitan dengan perniagaan pihak British atau *British Subject* di negeri tersebut yang menyebabkan timbul rasa curiga pihak Siam. Antara kes utama ialah antara Sultan Kelantan, Sultan Muhammad 1V dengan R.W. Duff yang memberi konsesi hampir serpentina negeri Kelantan kepada Duff Company.



Bahagian kedua tesis mengulas berkenaan dengan pertukaran naungan negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu kepada British berdasarkan kepada Perjanjian Bangkok 1909. Penulis membincangkan faktor-faktor yang mendorong kepada Perjanjian Bangkok antaranya kebimbangan pihak British ke atas campur tangan kuasa besar yang telah berada di Indochina seperti Amerika dan Perancis serta kegiatan ekonomi pihak German di Siam. Seterusnya akibat daripada perjanjian tersebut pertukaran naungan di antara pihak Siam dan British di negeri tersebut telah dijalankan serta tindak balas raja-raja di negeri tersebut semasa pertukaran naungan dari pihak Siam kepada pihak British. Antara yang dibincangkan oleh penulis berkenaan dengan pertukaran naungan ke atas Terengganu yang telah diadakan pada 14 Julai 1909.





Penulisan ini menggunakan sumber daripada beberapa institusi di United Kingdom antara yang utama adalah Public Rekod Office, London dan beberapa sumber sekunder. Sebahagian besar sumber yang digunakan dirujuk di Public Rekod Office, London. Penulis tidak merujuk kepada kumpulan rekod yang berada di Arkib Negara Malaysia seperti kumpulan Rekod HCO,<sup>15</sup> Residen General, Pejabat Sultan, British Adviser Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu, minit mesyuarat State Council serta laporan tahunan negeri-negeri tersebut. Sedangkan negeri-negeri tersebut terlibat secara langsung proses penyerahan naungan daripada pihak Siam kepada pihak British berdasarkan Perjanjian Bangkok 1909.

Sidek Jamil dalam tesis sarjana bertajuk *Guide To Malaysian Sources In The*

*Public Record Office, Kew, Richmond Surrey*<sup>16</sup> membincangkan berkenaan dengan kumpulan rekod berkaitan dengan Tanah Melayu yang terdapat di Public Rekod Office, London. Kajian dijalankan berdasarkan kumpulan rekod selepas tahun 1867 iaitu bermula apabila ibu pejabat bagi Negeri-negeri Selat(NNS) dipindah dari Indian Office Record di India ke Colonial Office di London. Kumpulan rekod yang dibuat kajian dan disenaraikan terdiri daripada dua kumpulan rekod utama iaitu dari Colonial Office dan Foreign Office yang bertanggungjawab secara langsung dalam pentadbiran British di Tanah Melayu.

<sup>15</sup> Arkib Negara Malaysia.1990. *A Selected List of Files of the Office of The High Commissioner for The Malay State*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>16</sup> Sidek Jamil. 1986. *Guide to Malaysian Sources In The Public Record Office, Kew, Richmond Surrey*. University of London: Tesis Sarjana.





Tesis Sidek dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu bahagian pertama membincangkan berkenaan sejarah Tanah Melayu bermula daripada zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga Penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Manakala bahagian kedua berkaitan dengan kumpulan rekod utama yang mengandungi maklumat berkenaan dengan Tanah Melayu yang terdapat dalam simpanan Public Record Office, London.

Sidek membincangkan sejarah Tanah Melayu bermula zaman Kesultanan Melayu Melaka, penguasaan Portugis ke atas Melaka bermula pada tahun 1511, diikuti oleh Belanda 1641 sehingga penguasaan pihak British ke atas Tanah Melayu. Penulis kemudian membincangkan berkenaan dengan pembentukan NNS, NNMB dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu(NNMTB). Penulis juga membincangkan berkenaan penguasaan British ke atas North Borneo termasuk Labuan dan Sarawak. Perbincangan sejarah negara dalam tesis ini berakhir dengan Penubuhan Malaysia pada tahun 1963.

Bahagian kedua tesis Sidek membincangkan berkenaan dengan kumpulan rekod yang terdapat di dalam simpanan Public Rekod Office, London yang mengandungi maklumat berkenaan Tanah Melayu.<sup>17</sup> Penulis membuat diskripsi ke atas kumpulan rekod, sejarah pentadbiran dan kandungan maklumat berkenaan kumpulan rekod tersebut. Penulis juga membincangkan berkaitan dengan kaedah pembukaan fail. Pada peringkat awal rekod dibuka berdasarkan kepada konsep geografi sesebuah tanah

<sup>17</sup> Arkib Negara Malaysia. 1996. *Katalog Mikrofilem yang diperolehi di bawah di bawah Program Perolehan Mikrofilem Mengenai Malaysia di Luar Negeri*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm. i-iii.





jajahan British atau berdasarkan wilayah sesuatu tanah jajahan. Kemudian pada tahun 1920-an berubah kepada perkara/subjek bagi pembukaan sesebuah fail.

Sidek Jamil seterusnya membincangkan kumpulan rekod yang mempunyai kaitan dengan Tanah Melayu. Antaranya kumpulan rekod tersebut ialah CO 273 berkaitan dengan NNS, CO 144, CO 531 dan CO 954 berkaitan dengan Labuan dan North Borneo, CO 717 berkaitan dengan NNMB, CO 938 berkaitan dengan Sarawak. Apabila konsep penwujudan rekod berasaskan perkara atau subjek kumpulan rekod berkaitan dengan Tanah Melayu diletakan di bawah kumpulan rekod CO 1022 iaitu di bawah South East Asia Department. Beliau mengulas berkenaan dengan perubahan yang berlaku dalam struktur rekod disebabkan perubahan dalam struktur pentadbiran di Tanah Melayu misalnya pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 menyebabkan tidak lagi wujud tiga entiti utama di Tanah Melayu iaitu NNS, NNMB dan NNMTB.

Sidek Jamil juga membincangkan berkenaan dengan rekod dalam bentuk terbitan antaranya berkenaan dengan laporan tahunan, warta kerajaan, mesyuarat State Council dan Federal Council. Kumpuan rekod ini dikategori dalam kumpulan tersendiri dan diuraikan siri kumpulan rekod dan juga kandungan maklumat yang terdapat dalam kumpulan rekod ini.

Tesis Sidek Jamil membincangkan dua komponen utama iaitu sejarah negara dan kumpulan rekod yang berkaitan dengan Tanah Melayu yang terdapat dalam





simpanan Public Rekod Office, London. Beliau tidak membincangkan kumpulan rekod yang diwujudkan oleh pihak British di Tanah Melayu bagi menjalankan kerja di lapangan iaitu di Tanah Melayu. Misalnya Jabatan Ukur dan Pemetaan di Tanah Melayu bertanggungjawab mengukur sempadan di antara negeri dan juga sempadan antarabangsa. Bagi melengkapkan kajian berkenaan dengan kumpulan rekod berkenaan Tanah Melayu, beliau juga perlu membincangkan kandungan dan maklumat kumpulan rekod yang ada di Tanah Melayu bagi melengkapkan maklumat sesuatu peristiwa yang berlaku di Tanah Melayu. Pada asasnya di peringkat London ataupun lebih di kenali Pejabat Setiausaha Tanah Jajahan sebahagian besar kumpulan rekod yang diwujudkan membincangkan berkenaan perkara dasar sahaja manakala rekod yang terdapat di Tanah Melayu merupakan rekod yang melibatkan aktiviti yang dijalankan terutama di lapangan berdasarkan keputusan yang dibuat di Pejabat Tanah Jajahan di London.



Samsiah Muhammad dalam tesis PhD bertajuk *Archives and Research In Malaysia: The Development and Challenges Ahead 1900-1995*<sup>18</sup> menghuraikan berkenaan dengan sejarah Arkib Negara Malaysia sejak dari penubuhan, peranan dan tanggungjawab Arkib Negara Malaysia sehingga 1995. Selain itu beliau juga membincangkan berkenaan dengan penubuhan Arkib Negeri iaitu Arkib Negeri Sabah dan Arkib Negeri Sarawak berdasarkan kepada Undang-undang Tubuh Negeri Sabah dan Sarawak.

<sup>18</sup> Samsiah Muhammad. 1996. *Archives and Research in Malaysia: The Development and Challenges Ahead 1900-1995*. University of London: Tesis PhD.





Usaha-usaha penubuhan Arkib Negara Malaysia bermula sejak zaman penjajahan pihak British lagi. Bermula selepas perang dunia pertama terutamanya apabila laporan yang disediakan mendapat rekod yang terdapat dalam simpanan pejabat awam tidak disimpan dan dipelihara dengan baik. Beberapa siri kajian dan laporan yang dikemukakan ke Pejabat Tanah Jajahan di London mendapat rekod yang berada dalam simpanan pejabat awam tidak diurus dengan baik terutama berkaitan dengan pengurusan rekod semasa serta kaedah penyimpanan yang dilaksanakan di pejabat kerajaan boleh menyebabkan kerosakan pada rekod yang disimpan. Kehilangan dan kerosakan rekod ini akan menyebabkan kesukaran para penyelidik untuk mendapatkan maklumat bagi menjalankan kajian dan penyelidikan pada masa yang akan datang.



Keadaan ini menyebabkan usaha-usaha dimulakan oleh Pejabat Tanah Jajahan untuk mewujudkan sebuah institusi arkib yang bertanggungjawab menyimpan dan memelihara rekod negara melalui sistem pengurusan rekod yang teratur dan sistematik di jabatan kerajaan. Pada akhirnya Arkib Negara telah ditubuhkan sebagai sebuah jabatan yang menguruskan penyimpanan dan pemeliharaan rekod yang bernilai yang yang tidak diperlukan lagi dalam pengurusan rekod semasa pejabat kerajaan. Arkib Negara telah berkembang dari sebuah pejabat di Kuala Lumpur, kemudiannya penubuhan cawangan peringkat zon dan akhir sekali di peringkat negeri.<sup>19</sup>

---

<sup>19</sup> Arkib Negara Malaysia. 2005. *Laporan Tahunan Arkib Negara Malaysia 2005*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm. 7-9.





Penulisan Samsiah Muhammad juga membincangkan berkenaan pengurusan rekod yang terdapat dalam simpanan di pejabat kerajaan dari peringkat awal iaitu sebelum negara mencapai kemerdekaan sehingga tahun 1990-an. Rekod yang diwujudkan berdasarkan keperluan tugas dan tanggungjawab sesebuah pejabat kerajaan tersebut. Dengan perkembangan kegiatan dan aktiviti berdasarkan kepada fungsi dan tanggungjawab sesuatu pejabat menyebabkan rekod semakim bertambah.

Peningkatan jumlah rekod yang terdapat dalam simpanan sesebuah jabatan kerajaan memerlukan pengurusan rekod yang teratur dan sistematik dilaksanakan di pejabat kerajaan sebelum dipindahkan ke Arkib Negara. Penulis mengkaji pengurusan rekod di pejabat kerajaan, keadaan rekod dan tindakan yang diambil bagi menguruskan rekod tersebut seperti penggunaan dan penyimpanan rekod. Penulis menyimpulkan usaha telah bermula untuk memperbaiki kualiti pengurusan rekod yang terdapat dalam simpanan pejabat kerajaan, namun usaha tersebut tidak memadai untuk memastikan rekod disimpan dan dipelihara dengan selamat.

Samsiah Muhammad membincangkan langkah-langkah yang diambil oleh Pejabat Tanah Jajahan dalam mempastikan rekod disimpan dengan selamat antaranya beliau membincangkan berkenaan dengan arahan-arahan dari Pejabat Tanah Jajahan berkenaan dengan keperluan pengurusan rekod yang baik. Penulis membincangkan juga berkenaan dengan peringkat kedua dalam pengurusan rekod iaitu berkenaan pemindahan rekod ke Arkib Negara yakni rekod yang telah dipindahkan tersebut telah menjadi bahan arkib. Peringkat ini penulis melihat pelbagai peringkat dalam kerja





pentadbiran arkib bermula dari proses pemindahan sehingga kepada rekod tersebut tersedia untuk diakses oleh penyelidik.

Kajian yang dijalankan oleh penulis tesis ini tidak membincangkan kumpuan rekod dan kandungan maklumat yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara Malaysia. Kajian ke atas kumpulan rekod dan kandungan maklumat amat penting dijalankan bagi membantu penyelidik yang menjalankan kajian di sesebuah institusi arkib. Salah satu tugas utama sesebuah institusi arkib menyediakan panducari yang menjelaskan secara umum berkenaan dengan kumpulan rekod dan kandungan maklumat kumpulan rekod yang terdapat dalam sesebuah institusi arkib.



## 1.6 Kepentingan kajian

Tujuan utama penubuhan institusi arkib adalah untuk menyimpan dan memelihara rekod sejarah negara. Pebagai masalah yang dihadapi seperti perang, bencana alam, sikap manusia dan persekitaran menjadi ancaman utama penyimpanan dan pemeliharaan rekod. Perang misalnya telah memusnahkan sebahagian besar daripada rekod yang ada dalam simpanan, manakala musuh rekod seperti anai-anai menyebabkan rekod tidak dapat bertahan dalam jangka masa panjang. Ancaman bencana seperti ribut taufan dan banjir telah juga membawa kepada kemusnahan ke atas rekod yang berada dalam simpanan pejabat kerajaan.<sup>20</sup>

---

<sup>20</sup> Laura A. Millar. 2010. *Archives: Principles and Practices*. London: Facet Publishing.





Menyedari timbulnya masalah di atas, penubuhan sebuah institusi arkib menjadi relevan dan sangat penting dalam memastikan khazanah sejarah negara terutama dalam bentuk bertulis dapat disimpan dan dipelihara dengan selamat. Sebagai sebuah organisasi yang ditubuhkan berdasarkan perundangan tertentu institusi arkib bertanggungjawab menyimpan dan memelihara rekod negara yang mempunyai nilai kebangsaan dan sejarah berdasarkan kepada prinsip arkib dan pematuhan standard yang ditetapkan di samping wujudnya organisasi peringkat antarabangsa iaitu *International Council on Archive* (ICA)<sup>21</sup> yang menyediakan segala kepakaran dalam mempastikan bahan arkib disimpan dan dipelihara dengan selamat. Kajian ini akan menjelaskan berkenaan fungsi dan tanggungjawab Arkib Negara dalam kerja-kerja penyimpanan dan pemeliharaan rekod di negara ini khususnya rekod zaman British di NNMB. Kajian juga akan akan membincangkan berkenaan dengan kumpulan rekod dan kandungan maklumat yang terdapat dalam kumpulan rekod zaman British di NNMB.

Dokumen dalam bentuk bertulis memainkan peranan yang penting dalam menyediakan maklumat bagi menghasilkan penulisan sesuatu peristiwa sejarah negara. Sejak dari zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga kini, pelbagai dokumen bertulis telah dihasilkan. Dokumen bertulis ini memaparkan secara telus berkenaan dengan sesuatu peristiwa yang berlaku terutama jika rekod tersebut dalam bentuk surat menyurat yang dihasilkan dalam kerangka kerja rasmi misalnya antara negara ataupun sesuatu organisasi dalam menjalankan fungsi dan aktiviti sesebuah jabatan kerajaan. Surat menyurat yang dihasilkan mempunyai kebolehpercayaan disebabkan ianya

<sup>21</sup> *The mission of the International Council on Archives (ICA) is to promote the preservation and use of archives around the world. In pursuing this mission, ICA works for the protection and enhancement of the memory of the world and to improve communication while respecting cultural diversity.*





berhubung di antara dua pihak sebagai contoh di antara dua negara atau dua agensi. Pembuktian kesahihan dapat dipastikan berdasarkan menganalisa berkaitan dengan struktur, konteks dan kandungan dokumen tersebut.<sup>22</sup>

Kajian akan memberi tumpuan ke atas rekod zaman British di NNMB di antara 1896 hingga 1941. Kajian ini akan membincangkan beberapa kumpulan rekod yang diwujudkan zaman tersebut samada di peringkat persekutuan maupun peringkat negeri. Ianya juga akan memberi penjelasan berkenaan dengan kumpulan rekod dan kandungan maklumat kumpulan rekod zaman British di NNMB yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara.



## 1.7 Skop kajian

Tempoh kajian adalah di antara tahun 1896 sehingga 1941 iaitu lebih kurang 45 tahun. Tempoh masa kajian dipilih oleh penyelidik kerana pada tahun 1896 merupakan tahun penubuhan NNMB yang menggabungkan empat buah negeri iaitu Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang yang diletakan di bawah pentadbiran Residen General di Kuala Lumpur serta Pesuruhjaya Tinggi di Singapura. Manakala tahun 1941 dipilih sebagai penamat kajian disebabkan tarikh tersebut bermula pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Selepas pihak British kembali pada tahun 1945 perubahan dilakukan dalam

---

<sup>22</sup> Arkib Negara Malaysia. 2016. *Panduan Pengurusan Rekod Sektor Awam*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm. 14-28.





sturktur pentadbiran British di Tanah Melayu dan ini juga memberi kesan dalam perubahan sturktur pentadbiran dan juga membawa kepada perubahan struktur pengurusan rekod di jabatan kerajaan.

Pembentukan NNMB pada tahun 1896 ini pihak British dapat menyatukan sumber, tenaga dan kakitangan dalam memperluaskan kegiatan mereka di NNMB. Perkembangan ini juga menyebabkan banyak rekod diwujudkan disebabkan perkembangan aktiviti yang berlaku di NNMB pada masa tersebut. Antara kumpulan rekod yang penting di peringkat persekutuan ialah kumpulan rekod Residen General, High Commissioner Office (HCO) dan pelbagai jabatan di peringkat persekutuan manakala di peringkat negeri ialah kumpulan rekod British Resident Office, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Tanah dan Daerah.<sup>23</sup>

<sup>23</sup> Paul H. Kratoska. 1990. *Index British Colonial Office Files Pertaining To British Malaya*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm 1-10.

## 1.8 Kaedah kajian

Bagi menghasilkan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kajian secara kualitatif bagi memastikan kajian yang dijalankan menepati ciri-ciri penulisan sejarah.<sup>24</sup> Keutamaan kajian ini memberi penekanan kepada analisa ke atas bahan berbentuk dokumen. Peringkat kajian yang dijalankan dapat dibahagikan kepada tiga peringkat

<sup>24</sup> Paul H. Kratoska. 1990. *Index British Colonial Office Files Pertaining To British Malaya*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm 1-10.

<sup>24</sup> Kaedah penulisan menggunakan kualitatif adalah satu cabang gaya penulisan berdasarkan kepada daptan sumber dan bukannya berbentuk angka atau data. Kaedah ini digunakan dalam sesetengah bidang sains sosial terutamanya bidang antropologi, sejarah dan sains politik. B. Miles, Matthew dan Huberman, A. Michael 1994. *Qualitative Data Analysis*, United State of America: SAGE Publications. hlm. 1.





iaitu mengenalpasti sumber, pemilihan, pengumpulan dan menganalisa bahan serta persempahan dalam bentuk penulisan untuk mencapai kebenaran objektif kajian yang telah ditetapkan.<sup>25</sup> Bagi memenuhi peringkat di atas pengkaji berusaha mengumpul semua bahan dari sumber-sumber primer dan sekunder dari pelbagai sudut bagi mengesan dan mengenalpasti sumber dan bahan yang diperlukan dalam penulisan.

Berdasarkan kaedah kajian di atas, pengkaji membuat kenyataan berdasarkan kepada sumber dan bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian bagi mengelakan bias<sup>26</sup> dalam membuat sesuatu kenyataan. Berdasarkan kajian yang berdasarkan sumber primer dan analisa saintifik akan dapat menghasilkan penulisan yang kemas, tersusun dan sistematik.



Bagi mendapatkan sumber primer, pengkaji menjalankan kajian di Arkib Negara Malaysia. Terdapat dua jenis sumber yang terdapat di dalam simpanan Arkib Negara iaitu sumber rasmi iaitu yang dihasilkan oleh pejabat kerajaan dan sumber tidak rasmi yang dihasilkan oleh pihak persendirian. Antara bentuk dokumen yang disemak ialah fail-fail pejabat kerajaan, terbitan, perjanjian, mikrofilem, gambar dan peta. Manakala sumber sekunder pula pengkaji menjalankan kajian di perpustakaan iaitu di Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Negara,

<sup>25</sup> W. Creswell, John. 2005. *Education Research Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*, New Jersey: Pearson Education International. hlm. 1.

<sup>26</sup> Pentafsiran adalah menerangkan sesuatu peristiwa sejarah itu berdasarkan sumber-sumber berkaitan dengannya. Muhd Yusof Ibrahim. 2000. *Ilmu Sejarah Falasafah, Pengertian dan Kaedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 1. Lihat juga Qassim Ahmad. 2004. *Karya Sejarah, Pendekatan dan Persoalan*, Edisi Kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 11.





Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Tun Abdul Razak Universiti Teknologi MARA.

Semua dapatan yang diperolehi dalam kajian yang dijalankan perlu dinilai dengan teliti bagi mempastikan penilaian yang dihasilkan bersifat objektif. Proses pendekatan yang melihat kepada konteks, struktur dan kandungan dapatan yang diperolehi. Konteks bahan terutama fail dapat dilihat dari sudut kesahihan dan integriti rekod. Manakala kandungan pula dilihat melalui tafsiran ke atas dapatan yang diterima secara objektif. Dengan pengkajian secara sistematik di atas, menggunakan sumber primer, penganalisaan secara jujur dan kritis, pentafsiran sejarah yang dilakukan bersifat objektif oleh sejarawan tanpa adanya percanggahan fakta yang dibuat dalam penulisan.



### 1.9 Definisi Istilah

Arkib Negara Malaysia dalam Akta Arkib Negara Malaysia 2003 (629) mentafsirkan sebagai sebuah jabatan kerajaan persekutuan bagi maksud untuk menyediakan garis panduan dalam penwujudan, pemerolehan, jagaan, pemeliharaan, penggunaan dan pengurusan arkib awam dan rekod awam dan menyediakan kemudahan rujukan, penyelidikan atau maksud lain.<sup>27</sup> Manakala arkib ertinya rekod yang dipelihara bagi nilai kebangsaan atau sejarahnya yang kekal dan lama bertahan atau kedua-duanya.<sup>28</sup>

<sup>27</sup> Arkib Negara Malaysia. 2003. Akta Arkib Negara Malaysia No. 629/2003. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

<sup>28</sup> *Ibid.* hlm. 8.





Penyimpanan rekod adalah penyimpanan dan pemeliharaan rekod dengan baik dan teratur di dalam repositori arkib mengikut prosedur dan piawaian kearkiban untuk memelihara fizikal dan kandungan maklumatnya. Kaedah penyimpanan yang baik dapat menyelamatkan rekod daripada ancaman agen perosak dan manusia. Aktiviti penyimpanan dan pemeliharaan yang dilaksanakan haruslah sepanjang masa serta mematuhi piawaian yang ditetapkan.<sup>29</sup>

Pemeliharaan ertinya keseluruhan proses dan pengendalian yang terlibat dalam perlindungan fizikal rekod dan arkib awam daripada kerosakan atau kemerosotan dan dalam pemulihan atau pemberaan rekod dan arkib.<sup>30</sup>



## 1.10. Pembahagian Bab

Kajian ini terdiri daripada enam bab. Bab pertama pengkaji membincangkan berkenaan dengan keseluruhan kajian yang dibuat. Secara amnya bab ini merupakan latar belakang kepada kajian yang melibatkan perkara berkenaan dengan pengenalan, penyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kaedah kajian, kepentingan kajian, tinjauan kajian, definisi istilah dan pembahagian bab. Secara asasnya bab ini memberi pengenalan kepada keseluruhan kajian yang dijalankan. Fokus utama dalam bab ini berkaitan dengan peranan Arkib Negara Malaysia dalam penyimpanan dan

<sup>29</sup> Arkib Negara Malaysia. 2011. *Dasar Pentadbiran Arkib*. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm. 8.

<sup>30</sup> Arkib Negara Malaysia. 2003. Akta Arkib Negara Malaysia No. 629/2003. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm. 9.





pemeliharaan rekod negara khususnya kumpulan rekod zaman British di NNMB di antara tahun 1896-1941.

Bab kedua memberi fokus utama berkenaan dengan sejarah penubuhan dan perkembangan Arkib Negara Malaysia termasuk sejarah penubuhan, pembinaan bangunan ibu pejabat dan negeri serta memorial, pustaka, galeria dan rumah kelahiran, cawangan arkib di negeri, struktur organisasi dan perjawatan serta akta, pekeliling berkaitan dengan Arkib Negara. Kajian dalam bab ini membincangkan berkenaan sejarah penubuhan Arkib Negara sebelum dan selepas mencapai kemerdekaan. Pada peringkat awal penubuhannya bertujuan untuk memelihara rekod-rekod awam yang diwujudkan oleh pejabat kerajaan sahaja namun begitu Arkib Negara mengamalkan pendekatan *total archives* iaitu tidak sahaja menyimpan dan memelihara rekod awam tetapi juga rekod persendirian. Perkembangan Arkib Negara selepas merdeka juga dibincangkan iaitu berkaitan dengan pembinaan bangunan, pembukaan cawangan di peringkat zon dan negeri, penubuhan memorial, pustaka, galeria dan rumah kelahiran. Perkembangan organisasi juga turut dibincangkan. Perbincangan dilanjutkan dengan beberapa akta, pekeliling, peraturan dan tatacara yang dikeluarkan bagi menjelaskan peranan, kuasa dan tanggungjawab Arkib Negara dalam mengurus penyimpanan dan pemeliharaan rekod di negara ini.

Bab ketiga membincangkan pula berkenaan dengan fungsi dan tanggungjawab Arkib Negara dalam pengurusan rekod dan pentadbiran arkib di negara ini. Terdapat tiga peranan utama Arkib Negara iaitu pengurusan rekod, pentadbiran arkib dan pengembangan. Dalam pengurusan rekod kajian dijalankan berkenaan dengan peranan





Arkib Negara dalam mengurus rekod yang ada dalam simpanan pejabat kerajaan dalam bentuk khidmat nasihat pengurusan rekod semasa, penyimpanan dan pemindahan rekod ke Arkib Negara.<sup>31</sup> Manakala dalam pentadbiran arkib pula perkara utama yang dibincangkan pemindahan rekod ke Arkib Negara, proses penyenaraian, penyimpanan dan pemeliharaan bahan arkib di repositori dan juga akses arkib awam kepada penyelidik. Bab ini juga membincangkan berkenaan dengan program pengembangan yang dijalankan oleh pihak Arkib Negara yang bertujuan untuk memperkenalkan serta mempopularkan Arkib Negara serta bahan arkib yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara.



Bab empat pula membincangkan berkenaan dengan kumpulan rekod zaman British di NNMB yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara. Kumpulan rekod dibahagikan kepada tiga iaitu kumpulan rekod urusan am, kumpulan rekod fungsian dan kumpulan rekod urusan kewangan dan perakaunan serta juga bentuk rekod yang disimpan. Perbincangan dilanjutkan lagi berkenaan dengan senarai kumpulan rekod persekutuan dan negeri zaman British di NNMB yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara di antara tahun 1896 sehingga 1941. Pendekatan yang diambil bagi kajian dalam bab ini kumpulan rekod diambil secara persampelan. Kajian dijalankan berkenaan dengan sejarah pentadbiran, diskripsi dan kandungan maklumat bagi kumpulan rekod yang diambil persampelan tersebut.

<sup>31</sup> Arkib Negara Malaysia. 2016. *Panduan Pengurusan Rekod Sektor Awam*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm. 4-5.





Tumpuan utama dalam bab ini membincangkan kumpulan rekod zaman pentadbiran British di NNMB yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara. Zaman pemerintahan British di NNMB secara rasmi bermula dengan termetrainya Perjanjian Persekutuan pada tahun 1896 sehingga pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1941. Enam kumpulan rekod yang dibincangkan dalam bab ini ialah Jabatan Parit dan Talair, Jabatan Penyiasatan Kajibumi, Jabatan Ukur termasuk Jabatan Ukur Negeri iaitu Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Selangor, Pejabat Daerah Kuantan, Pejabat Penasihat British Pahang dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Terdapat dua faktor utama yang menyumbangkan perkembangan dalam penghasilan rekod pada mana ini, pertama disebabkan perkembangan dalam penghasilan media cetak seperti kertas, penggunaan peralatan untuk menulis serta perkembangan aktiviti yang dijalankan seperti kegiatan ekonomi biji timah, getah serta perluasan penguasaan pihak British di Tanah Melayu menyebabkan keperluan pelbagai urusan direkodkan.<sup>32</sup>

Bab kelima membincangkan secara mendalam berkenaan dengan satu kumpulan rekod zaman pentadbiran British di NNMB yang terdapat dalam simpanan

---

<sup>32</sup> Arkib Negara Malaysia. 1990. *Panduan Sumber Bahan Biji Timah*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm. 10-15.





Arkib Negara. iaitu Kumpulan Rekod HCO. Kajian membincangkan berkenaan dengan sejarah pentadbiran, diskripsi, rekod dan maklumat dalam kumpulan rekod tersebut.

Kaedah kajian kes dan persempelan akan dirujuk dan dibuat analisa khusus kepada dua perkara utama yang dibincangkan dalam Kumpulan Rekod HCO iaitu berkenaan dengan persempadanan dan laporan berkenaan dengan industri perikanan di NNMB. Isu persempadanan yang dibincangkan ialah berkenaan dengan sempadan dalam negeri dan antarabangsa. Persempadanan dalam negeri melibatkan Pahang dengan Terengganu dan Johor dengan Pahang. Manakala persempadanan antarabangsa melibatkan antara negeri Pahang dengan Terengganu dan Perak dengan Reman. Kajian juga dijalankan ke atas industri perikanan berasaskan kepada dua suruhanjaya yang ditubuhkan bagi mengkaji kegiatan industri perikanan di NNMB.



Pada Bab keenam iaitu bab penutup kepada kajian ini. Pengkaji membuat kesimpulan secara menyeluruh berkenaan dengan peranan Arkib Negara dalam penyimpanan dan pemeliharaan rekod sejarah negara dan khususnya berkaitan dengan penyimpanan dan pemeliharaan rekod yang diwujudkan zaman pentadbiran British di NNMB di antara tahun 1896 sehingga 1941. Peranan dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Arkib Negara ini berasaskan kepada perundangan dan peraturan yang berkuatkuasa dan yang dikeluarkan oleh pihak Arkib Negara. Juga dianalisa peranan Arkib Negara dalam memastikan rekod yang ada dalam simpanan selamat dan dapat diakses oleh penyelidik di masa hadapan.





## 1.11. Kesimpulan

Arkib Negara memainkan peranan yang penting dalam penyimpanan dan pemeliharaan rekod bernilai sejarah dan kebangsaan kepada negara. Penubuhan jabatan ini membantu pihak kerajaan melaksanakan pengurusan rekod dengan teratur dan sistematik ke atas rekod yang diwujudkan oleh pejabat kerajaan. Pada asasnya Arkib Negara berdasarkan kuasa yang ada bertanggungjawab kepada rekod yang diwujudkan oleh pihak kerajaan. Rekod kerajaan ini tidak sahaja melibatkan rekod kerajaan semasa tetapi juga rekod kerajaan zaman dahulu. Arkib Negara juga mengambil pendekatan *total archives* iaitu menyimpan rekod persendirian bagi mengisi jurang dan melengkapkan maklumat yang tidak terdapat dalam rekod rasmi yang diwujudkan oleh pihak kerajaan.



Usaha yang dijalankan oleh pihak Arkib Negara telah dapat menyelamatkan rekod-rekod kerajaan terutama dalam konteks kajian ini rekod zaman British di NNMB. Melalui usaha-usaha yang dijalankan ini dapat membantu para penyelidik menjalankan kajian dan penyelidikan berkenaan dengan sejarah negara pada zaman tersebut berasaskan kumpulan rekod zaman British di NNMB yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara.

